

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA LAWATAN BAKTI KE UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Lokasi : SINTOK, KEDAH
Tarikh : 02-09-1991

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr Osman Yeop Abdullah Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia; Timbalan-Timbalan Canselor Universiti; Pegawai-pegawai Kanan; Wakil-wakil Pelajar; Tuan-tuan dan Puan-puan; Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Terlebih dahulu saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya sahaja dapat kita berjumpa di majlis perjumpaan hari ini. Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Naib Canselor dan pihak Universiti, kerana sudi menerima lawatan BAKTI dan memberi sambutan sedemikian rupa.

2. BAKTI adalah dalam lawatannya ke Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di Semenanjung dan lawatan ke Universiti Utara Malaysia pada hari ini adalah lawatan yang ke-8, BAKTI berharap untuk melawat ke semua 9 Institusi Pelajaran Tinggi sebelum 3hb. September, 1991, Insya Allah.

3. Rombongan BAKTI terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa yang bertanggungjawab menentukan dan meluluskan kegiatan-kegiatan amal kebajikan bagi masyarakat yang memerlukan bantuan, dan juga dermasiswa-dermasiswa bagi para pelajar. Tujuan utama BAKTI ialah membantu orang-orang cacat, yang daif dan yang memerlukan bantuan untuk rawatan dan sebagainya. BAKTI juga membantu mangsa-mangsa yang ditimpa bencana alam di dalam negara.

4. Pada tahun 1985, BAKTI telah mengeluarkan dermasiswa BAKTI kepada murid-murid sekolah rendah, menengah dan sekolah tinggi di seluruh negara dengan membantu 10 murid- murid dari setiap negeri dengan \$200.00, \$300.00 dan \$400.00 setahun selama 2 tahun bagi setiap calon dari sekolah rendah, menengah dan persekolahan tinggi. Pada tahun 1990, bilangan calon bagi setiap negeri telah digandakan kepada 20 murid dan dikhaskan juga 10 calon daripada Orang Asli.

5. Memandangkan para pelajar Universiti biasanya mengalami kesukaran wang untuk menyesuaikan diri pada semesta 1 dan 2 tahun-tahun pertama maka BAKTI bersetuju untuk memberi bantuan kepada mereka. Satu perjumpaan antara Naib-naib Canselor dan wakil-wakil Universiti dengan BAKTI telah diadakan pada 31 Julai lalu dan hasilnya ialah Tabung Kewangan BAKTI atau Tabung Bantuan BAKTI telah ditubuhkan di ITM dan di ke-7 Universiti di negara ini. Sumbangan seju- mlah \$20,000.00 akan diberi kepada pihak Universiti setiap 2 tahun untuk diuruskan dengan sendiri supaya seberapa ramai pelajar boleh menerima manfaat daripadanya. Dengan kebijaksanaan pihak Universiti kelak para pelajar yang masih menunggu biasiswa Kerajaan atau daripada lain-lain penganjur tidaklah perlu risau atau mengundurkan diri dari Universiti atas sebab kekurangan wang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Kebanyakan ahli-ahli BAKTI adalah graduan dari Universiti juga dan faham benar-benar masalah pelajar- pelajar khususnya pada tahun pertama. Selain daripada itu, kami mengutamakan pendidikan sebagai obor bagi menerangkan kehidupan di masa hadapan seseorang insan. Ilmu pengetahuan itu adalah asas bagi mencapai kehidupan yang sempurna dan dengan menggunakan ilmu itu dengan secara baik ia akan membawa kemajuan dan kebahagiaan kepada manusia.

7. Syukur allhamdullilah, rakyat negara kita menerima pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagai perkara penting dan menghantar anak-anak ke sekolah dan ke institusi-institusi pelajaran tinggi. Anak-anak kita sebagai pelajar-pelajar adalah sumber tenaga yang terpenting sekali dan yang boleh membantu Kerajaan menjayakan Wawasan 2020. Merekalah merupakan harapan besar bagi kita semua mencapai cita-cita supaya Malaysia mencapai taraf sebuah negara maju, mengalami proses perindustrian yang pesat dan

mempunyai rakyat yang bermoral tinggi, berdisiplin dan produktif.

8. Oleh yang demikian, BAKTI amatlah gembira dapat membantu sedikit sebanyak para pelajar yang memerlukan bantuan supaya mereka tekun belajar, terus maju dan menjadi orang-orang harapan bangsa kelak. Sumbangan \$20,000.00 ini adalah hasil daripada kutipan derma dan sumbangan orang ramai kepada BAKTI. Oleh itu, diharap para pelajar akan menggunakannya dengan sebaik-baiknya supaya tujuan orang ramai dan BAKTI tidak hampa.

9. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan Universiti atas sambutan dan layanan mesra yang diberi kepada kami.

Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
